

DATE: 20/7/2009

BH PILIH 2C 20 (emel)

Liberalisasi ekonomi KL pikat Riyadh

BH - 20/7/2009

Telekomunikasi, tenaga jadi tumpuan Arab Saudi: Najib

JEDDAH: Arab Saudi berminat untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dengan Malaysia ekoran liberalisasi sektor ekonomi Malaysia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al Saud menyatakan kemungkinan negaranya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam sektor perbankan Islam, meningkatkan ekuiti serta menambah penyertaan dalam sektor perkhidmatan dan pengeluaran produk Islam di Malaysia.

Raja Abdullah yang juga Penjaga Dua Rumah Suci menyatakan demikian apabila Najib menghadap baginda di Istana Raja Abdullah di sini, lewat petang kelmarin.

Bercakap kepada pemberita Malaysia selepas pertemuan itu, Najib berkata ketika ini bank Arab Saudi iaitu Bank Al Rajhi sudah beroperasi di Malaysia dan ada usaha sama antara usahawan ke-


dua-dua negara dalam bidang telekomunikasi di Malaysia dan bidang tenaga serta pembangunan bandar di Arab Saudi.

Pentadbiran Najib meliberalisasikan 27 sektor kecil perkhidmatan, kewangan dan pelaburan asing bagi menjadikan ekonomi Malaysia lebih menarik untuk pelabur asing dan merangsangkan aktiviti ekonomi dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa dunia.

Perdana Menteri yang melakukan lawatan kerja empat hari ke negara ini berakhir semalam, berkata Raja Abdullah sangat berpuas hati dengan hubungan dua hala kedua-dua negara dan menyifatkan Malaysia sebagai negara yang sangat akrab dengan Arab Saudi.

"Baginda anggap Malaysia sebagai negara contoh dari segi kejayaan yang dicapai selama ini," kata Najib.

Mengenai isu antarabangsa, Perdana Menteri berkata Malaysia bersetuju dengan



NAJIB bersama Rosmah dan Nor Ashman Razak menunaikan ibadat umrah di Makkah, malam kelmarin.

cadangan baginda supaya dialog antara agama berpusat di Austria di samping sarana dipercepatkan pelaksanaan berhubung pewujudan sebuah pusat antarabangsa bagi pertukaran maklumat risikan untuk mencegah keganasan.

Perbincangan isu antarabangsa mereka berdua juga meliputi perkembangan di Asia Barat.

Menyentuh mengenai pelancongan, Najib berkata pelancong Arab Saudi berpuas hati dengan pengalaman mereka di Malaysia.

Selepas pertemuan itu, Na-

“Raja Abdullah menyatakan kemungkinan negaranya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam sektor perbankan Islam dan meningkatkan ekuiti”

Najib Razak
Perdana Menteri

jib bersama isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, anak lelaki mereka, Nor Ashman Razak serta anggota rombongan berlepas ke Makkah untuk menunaikan ibadat umrah.

Sementara itu, pada majlis perjumpaan dengan rakyat Malaysia di sebuah hotel di sini, Najib berkata pentadbirannya memperkenalkan pembaharuan dari segi dasar dan pendekatan kerana Malaysia tidak boleh bergantung semata-mata kepada kejayaan yang dicapai selama ini.

Perdana Menteri berkata,

pembaharuan itu tidak lar daripada matlamat untuk menjadikan Malaysia negara maju tetapi strategi dan tak tiknya disesuaikan dengan cabaran baru dan persekitaran yang berubah sekarang.

"Negara yang tidak lakukan pembaharuan berada dalam keadaan statik," katanya.

Malaysia, katanya, tidak boleh selesa dengan kedudukannya sekarang walaupun pelbagai kejayaan dicapai.

"Kita tidak boleh berada di zon selesa dan menganggap 'business as usual' saja," katanya. - Bernama